

Rakyat Mesti Kongsi dan Kukuh Nilai Budaya

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 31 Oktober 2010 18:00

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

31 OKTOBER 2010 / 23 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Foto : Unit Foto UKK

Rakyat Mesti Kongsi dan Kukuh Nilai Budaya

UUM ONLINE: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah menyeru rakyat di negara ini memelihara perkongsian nilai budaya sepunya dari pelbagai kumpulan etnik dan ia mestilah diperkukuhkan.

Baginda bertitah, matlamat dan dasar yang dihasratkan dalam teras membina negara bangsa untuk memastikan rakyat Malaysia memiliki jati diri yang kukuh, patriotik dan berpegang teguh kepada ajaran agama.

Titah Baginda, pihak universiti perlu mengambil inisiatif untuk menganjurkan pelbagai aktiviti bersesuaian demi memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar.

"Semoga pengalaman yang ditimba boleh menjadi amalan dan seterusnya menjadi teladan kepada masyarakat sekeliling kampus kini dan pada masa hadapan.

"Beta percaya bahawa para graduan telah ditanamkan dengan sikap toleransi semasa berada di universiti. Hal ini penting untuk mengelakkan berlakunya sebarang pertelingkahan atau perselisihan faham yang boleh memecah-belahkan rakyat.

"Beta percaya para graduan juga telah ditanamkan dengan nilai hidup bersama 'ibarat aur dengan tebing' serta mengikis sikap 'bagai enau dalam belukar'," titah baginda sempena Majlis Konvokesyen Ke-23, Sidang Kedua, Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, semalam.

Turut berkenaan berangkat ke majlis berkenaan. Sultanah Kedah. Sultanah Haminah Hamidun. Hadir sama.